



## Impak Pandemik COVID-19: Kajian Keberkesanan Proses Pendaftaran Pelajar dan Hari Suai Kenal Pelajar Baharu Sebelum dan Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)

Halimah, Adnan<sup>1\*</sup> & Wan Zaimah, Wan Adnan<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup>Kolej Komuniti Paya Besar, Gambang, Pahang, 26300, Malaysia

\*Corresponding Author: [halimah.kkpb@gmail.com](mailto:halimah.kkpb@gmail.com)

Diterima: 04 Disember 2020; Diluluskan: 16 Disember 2020; Tersedia dalam talian: 31 Disember 2020

**Abstrak:** Arahan menggunakan garis panduan norma baru dalam pengurusan sistem pendidikan negara memberi kesan secara keseluruhan kepada kaedah pendaftaran dan hari suai kenal pelajar baharu di Kolej Komuniti Paya Besar (KKPB). Namun begitu, kepentingan dalam memastikan urusan tadbir urus dan kecemerlangan dalam organisasi tetap perlu diambil berat untuk memastikan kualiti pengurusan pendidikan sentiasa terjamin. Oleh itu, kajian keberkesanan proses pendaftaran pelajar dan hari suai kenal telah dilaksanakan sebagai langkah untuk memastikan organisasi tetap berada di landasan yang menyokong Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Perbandingan Hasil dapatan data diperolehi melalui borang soal selidik yang telah diedarkan dalam kalangan Pelajar baharu bagi sesi Jun 2019 dan sesi Jun 2020 untuk melihat kesan sebelum dan semasa Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Data telah dianalisa secara kuantitatif dan data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian Microsoft Office Excel 2016. Sebanyak 91 orang responden bagi sesi Jun 2019, 97 orang responden bagi sesi Jun 2020 telah menjawab borang soal selidik yang telah diedarkan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak 96.15 % responden berpuas hati dengan proses pendaftaran pelajar baharu semasa PKPP berbanding 94.08% sebelum PKPP. Manakala sebanyak 96.41% responden berpuas hati dengan proses hari suai kenal pelajar baharu semasa PKPP berbanding 86.58% sebelum PKPP dilaksanakan. Secara keseluruhan, hasil kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa proses Pendaftaran dan Hari Suai kenal pelajar baharu semasa PKPP bagi sesi Jun 2020 berjalan dengan sangat lancar serta sangat berkesan dalam membantu pelajar mengenali gaya hidup baharu di Kolej Komuniti Paya Besar.

**Kata Kunci:** Norma baharu, Kolej Komuniti, Impak Pandemik Covid-19

### 1. Pengenalan

Pandemik Covid-19 telah memberi impak yang besar kepada seluruh dunia termasuklah dalam bidang pendidikan. Kolej Komuniti Paya Besar (KKPB) merupakan salah satu institusi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi di Malaysia yang terkesan secara langsung (Lestari & Gunawan, 2020). Analisis kajian borang soal selidik ini bertujuan mendapatkan maklum balas berhubung keseluruhan proses pelaksanaan Hari Pendaftaran dan Hari Suai Kenal (HSK) pelajar baharu. Kajian ini juga dibuat bertujuan untuk mengenalpasti keberkesanan proses pelaksanaan hari pendaftaran dan HSK samaada memenuhi kehendak pelanggan dan mengenalpasti ruang penambahbaikan yang diperlukan. Pembukaan institusi pendidikan tinggi ketika ancaman pandemik Covid-19 merupakan cabaran baru yang perlu dihadapi oleh semua pihak. Aplikasi dan penerimaan norma baharu dalam sistem pendidikan di Kolej Komuniti, perlu dilaksanakan di setiap institusi mengikut garis panduan khas yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) bagi mencegah penularan wabak Covid-19 (Bahrom, 2020). Bagi memenuhi tuntutan semasa, setiap organisasi perlu sentiasa peka dengan perkembangan dan keperluan semasa. Menurut kajian daripada Zaki (2020), perubahan dan transformasi dalam komunikasi dan kaedah penyampaian maklumat amatlah penting untuk memastikan keberkesanan dan kecekapan sesuatu urusan pentadbiran dan pengurusan dalam organisasi.

Fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) telah dikuatkuasakan bermula 9 Jun 2020 sehingga 31 Ogos 2020. Menteri Pertahanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengingatkan kepada seluruh rakyat Malaysia untuk sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) (Rohman & Arifin, 2020). Proses pendaftaran dan Hari Suai Kenal Pelajar baharu telah dikuatkuasakan oleh pihak JPPKK bermula pada 4 Ogos 2020 sehingga 7 Ogos 2020 mengikut takwim akademik semasa. Oleh itu, peraturan dan norma baharu perlu diaplikasikan sepanjang tempoh

masa PKPP (Langgat, 2020). Pihak pengurusan KKPBB telah melakukan pelbagai inisiatif dan menyediakan persekitaran kolej mengikut kesesuaian dan garis panduan yang telah ditetapkan untuk menerima pelajar bagi sesi Jun 2020. Kesedaran pelajar juga amat penting dalam memastikan penularan Covid-19 dapat dielakkan. Pelajar perlu sentiasa mengamalkan penjarakan sosial, kerap mencuci tangan, elakkan bersentuhan dengan rakan-rakan, sentiasa mengamalkan kebersihan diri dan kebersihan persekitaran serta mengetahui tahap kesihatan diri semasa. Pelajar perlu memaklumkan kepada ibu bapa atau pensyarah sekiranya mempunyai gejala tertentu untuk tindakan awal pihak pengurusan (Ismail, 2020). Peraturan dan norma baharu yang dikuatkuasakan semestinya memberi kesan kepada emosi dan reaksi pada semua pihak terutama sekali pelajar baharu (Hunnes, 2016).

Menurut kajian yang telah dibuat oleh Bulitko & Solomon (2008), perubahan dalam budaya dan kebiasaan dalam masyarakat boleh memberi kesan secara langsung kepada emosi dan tingkah laku. Namun begitu, di Malaysia masyarakat menunjukkan respon yang positif dan semangat yang kuat dalam pembudayaan norma baharu dalam memastikan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dapat dilaksanakan dengan sebaiknya (Khalib, 2020). Perlaksanaan norma baharu ini merupakan salah satu cabaran besar bagi pengurusan di KKPBB dalam setiap aspek termasuk dalam kaedah pelaksanaan program yang memerlukan tahap persiapan dan kesediaan pelajar, ibubapa dan pensyarah (Azis, Syukor & Abd Razak, 2020). Secara tidak langsung, impak pandemik Covid-19 akan memberi kesan ketara kepada perubahan pelan strategik Kolej Komuniti di Malaysia di masa akan datang (Almachdani et al., 2020).

## 2. Metodologi Kajian

Terdapat beberapa bahagian yang telah dikenalpasti bagi mendapatkan data kajian yang diperlukan. Antaranya adalah melibatkan rekabentuk kajian, populasi dan sampel dan instrumen kajian. Borang soal selidik yang dikumpul daripada responden disemak untuk dibuat analisis data. Dapatan data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian Microsoft Office Excel 2016.

### 2.1 Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian yang telah dipilih adalah dengan menggunakan kaedah kajian kuantitatif menggunakan borang soal selidik dan kaedah statistik deskriptif untuk mendapatkan hasil dapatan kajian bagi tujuan analisa dapatan data. Soalan-soalan yang digunakan adalah menggunakan Borang Soal Selidik Proses Pendaftaran Pelajar yang terkandung dalam Garis Panduan Pengambilan Pelajar Kolej Komuniti Edisi 9 Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti 2019 dan Borang Soal Selidik Hari Suai kenal Pelajar dari buku Garis Panduan Hal Ehwal Pelajar Edisi 2012 yang telah dikemaskini melalui Buku Prosedur Kualiti KKPBB-PK-PLTV-02 Edisi 2019.

### 2.2 Populasi dan sampel

Sampel yang akan digunakan adalah dipilih dalam kalangan pelajar baharu yang mendaftar di Kolej Komuniti Paya Besar bagi sesi Jun 2019 iaitu fasa sebelum PKPP seramai 91 orang dan sesi Jun 2020 semasa fasa PKPP seramai 97 orang. Saiz sampel adalah menggunakan jadual daripada Krejcie & Morgan (1970). Jadual 1 menunjukkan bilangan responden mengikut program dan sesi ambilan.

**Jadual 1:** Jumlah Bilangan Borang Soal Selidik Pendaftaran dan Hari Suai Kenal Pelajar Baharu Sebelum dan Semasa PKPP

Bil	Nama Kursus	Bilangan responden (Sesi Jun 2019)	Bilangan responden (Sesi Jun 2020)
1	Sijil Sistem Teknologi Maklumat (STM)	16	27
2	Sijil Multimedia Kreatif Pengiklanan (SMP)	41	19
3	Sijil Teknologi Elektrik (SKE)	34	51
<b>Jumlah</b>		<b>91</b>	<b>97</b>

Berdasarkan Jadual 1, Pelajar baharu yang menjadi responden kajian terdiri daripada pelajar yang mendaftar dalam tiga program utama iaitu program Sijil Teknologi Maklumat, Sijil Multimedia Kreatif Pengiklanan Dan Sijil Teknologi Elektrik. Jumlah keseluruhan responden adalah seramai 188 orang.

### 2.3 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu bahagian 1 dan 2. Bahagian 1 merupakan soalan mengenai latarbelakang responden. Seterusnya, bahagian 2 mempunyai persoalan mengenai proses hari pendaftaran dan hari suai kenal pelajar. Penggunaan Skala Likert lima mata dipilih untuk mendapatkan data di bahagian 2 dalam borang soal selidik seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

**Jadual 2: Skala Likert**


Mata	Jawapan
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Kurang Setuju
4	Setuju
5	Sangat Setuju

### 3. Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Data kajian yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Excel 2016 dan dibentangkan secara statistik deskriptif menggunakan peratusan (%) bagi hasil dapatan kajian untuk melihat perbandingan keberkesanan proses semasa hari pendaftaran dan suai kenal pelajar dijalankan sebelum dan semasa PKPP.

#### 3.1 Analisis Latarbelakang Responden

Hasil analisis yang dibuat mengikut jantina ditunjukkan melalui rajah 1.0 seperti di bawah.



**Rajah 1:** Perbandingan Jantina Responden

Merujuk kepada rajah 1.0, seramai 91 orang pelajar baharu yang telah menjawab borang soal selidik bagi sesi Jun 2019. Seramai 54 orang iaitu 59.34% responden adalah lelaki. Manakala seramai 37 orang iaitu 40.66% responden adalah perempuan. Manakala bagi sesi Jun 2020, seramai 97 orang pelajar baharu telah menjawab borang soal selidik. Seramai 66 orang iaitu 68.04% responden adalah lelaki. Manakala seramai 31 orang iaitu 31.96% responden adalah perempuan.

#### 3.2 Analisis Perbandingan Data Sesi Jun 2019 dan Jun 2020

Merujuk jadual 3 seperti di bawah, dapatan data maklumat yang diperolehi daripada soal selidik di bahagian 2 menunjukkan 86.58% responden berpuas hati dengan hari suai kenal pelajar bagi sesi Jun 2019 manakala bagi sesi Jun 2020, 96.41% responden sangat berpuas hati. Ini menunjukkan keberkesanan hari suai kenal semasa tempoh PKPP lebih tinggi berbanding sebelum tempoh PKPP.

**Jadual 3:** Dapatan Data Hari Suai kenal Pelajar Baharu

Bil	Perkara	Sesi Jun 2019	Sesi Jun 2020
1	Program HSK dapat membantu saya mengenali gaya kehidupan kampus.	90.10%	97.20%
2	Program HSK dapat membantu meningkatkan keyakinan saya untuk memulakan pengajian di kolej komuniti.	84.60%	95.30%
3	Program HSK dapat memperkenalkan saya kepada sistem pengajian kolej komuniti.	91.20%	97.20%
4	Program HSK dapat meningkatkan motivasi saya untuk belajar.	90.10%	97.20%

5	Kandungan Taklimat di dalam program HSK		
6	a. Taklimat Pegawai Penerangan	90.10%	96.20%
7	b. Taklimat Multimedia dan Sumber	93.40%	95.30%
8	c. Taklimat Pegawai Pembangunan Pelajar dan Disiplin	90.10%	96.20%
9	d. Taklimat Penyelaras EKSA dan KUALITI	81.30%	96.20%
10	e. Taklimat Pegawai Peperiksaan	87.90%	98.10%
11	f. Taklimat Pegawai Sukan	85.70%	98.10%
12	g. Taklimat Kaunseling	89.00%	96.20%
13	Tempoh bagi setiap taklimat adalah mencukupi	85.70%	97.20%
14	Susunan program dan aktiviti HSK bersesuaian	82.40%	89.60%
15	Makanan yang disediakan semasa program HSK adalah mencukupi.	62.60%	98.10%
16	Program HSK dapat mengeratkan silaturahim di antara pelajar.	94.50%	98.10%
	<b>Jumlah</b>	<b>1298.70%</b>	<b>1446.20%</b>
	<b>Purata Keseluruhan</b>	<b>86.58%</b>	<b>96.41%</b>

Bagi fasa sebelum PKPP, program hari suai kenal dibuat merangkumi keseluruhan pelajar baharu yang mendaftar pada hari pendaftaran. Jadual aktiviti yang dirangka juga berbeza berbanding jadual semasa tempoh PKPP (Shafie, 2020). Sepanjang tempoh PKPP, pelajar baharu wajib mengikuti garis panduan pasca Covid-19 yang telah disediakan oleh pihak Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) (Pratamaet al., 2020). Antaranya, melibatkan program yang berskala kecil untuk memastikan pematuhan jarak dan kawalan pergerakan. Setiap aktiviti dipecahkan mengikut program masing-masing. Kesan perlaksanaan yang melibatkan skala kecil walaupun dengan syarat pematuhan yang pelbagai masih mampu dilaksanakan secara berkesan. Hasilnya, jumlah peningkatan kepuasan pelajar meningkat pada sesi Jun 2020 dengan nilai perbezaan sebanyak 9.83% lebih tinggi berbanding sesi Jun 2019.

Merujuk jadual 4 seperti di bawah, dapatan data maklumat yang diperolehi daripada soal selidik di bahagian 2 bagi hari pendaftaran pelajar baharu menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Sebanyak 94.08% responden berpuas hati dengan hari pendaftaran pelajar bagi sesi Jun 2019 manakala bagi sesi Jun 2020, 96.15% responden sangat berpuas hati. Dapatan data ini menunjukkan keberkesanan hari pendaftaran semasa tempoh PKPP lebih tinggi berbanding sebelum tempoh PKPP (Hairia'an & Dzainudin, 2020).

**Jadual 4:** Dapatan Data Hari Pendaftaran Pelajar Baharu

Bil	Perkara	Sesi Jun 2019	Sesi Jun 2020
1	Arahan di dalam Buku Panduan Pendaftaran KK adalah mudah difahami	89.90%	96.90%
2	Borang-borang pendaftaran yang terdapat di dalam Buku Panduan Pendaftaran KK mudah difahami dan dilengkapkan	92.10%	96.90%
3	Proses semakan dokumen di Kaunter Semakan membantu pelajar mengenalpasti dokumen yang tidak lengkap	95.50%	96.90%
4	Urusan pembayaran yuran pengajian berjalan dengan lancar	98.90%	97.93%
5	Urusan bayaran pendaftaran koperasi berjalan dengan lancar	95.50%	95.87%
6	Urusan pembayaran insurans dan yuran hari suai kenal berjalan dengan lancar	98.90%	97.93%
7	Proses pemberian kad pelajar sementara berjalan dengan lancar	97.80%	98.96%
8	Urusetia pendaftaran banyak membantu dan memberi layanan yang baik	98.90%	100%
9	Tempat duduk yang disediakan untuk menunggu semasa proses pendaftaran adalah mencukupi	83.10%	84.53%
10	Tempoh yang diambil untuk proses pendaftaran adalah memuaskan	89.90%	93.81%
11	Keseluruhan proses pendaftaran pelajar adalah terkawal dan berjalan lancar	94.40%	97.93%
	<b>Jumlah</b>	<b>1034.90%</b>	<b>1057.66%</b>
	<b>Purata Keseluruhan</b>	<b>94.08%</b>	<b>96.15%</b>

Terdapat perbezaan kaedah yang telah digunapakai sepanjang tempoh hari pendaftaran pelajar baharu bagi sesi Jun 2019 dan Jun 2020. Bagi sesi Jun 2019, pendaftaran pelajar baharu telah ditetapkan mengikut takwim JPPKK yang melibatkan semua calon yang menerima tawaran daripada tiga program yang berbeza. Bilangan pelajar yang terlibat semasa hari pendaftaran juga lebih ramai berbanding sesi Jun 2020. Manakala, bagi sesi Jun 2020, pendaftaran pelajar perlu dibuat mengikut program dan unit pada hari berbeza mengikut arahan dan takwim dari JPPKK. Ini bagi memastikan pematuan garis panduan pasca covid-19 dipatuhi. Oleh sebab itu, pendaftaran pelajar berlangsung selama tiga hari berturut-turut dengan melibatkan tiga program yang berbeza. Jumlah pelajar yang mendaftar pada hari pendaftaran bagi sesi Jun 2020 adalah lebih sedikit berbanding sesi Jun 2019 yang mengumpulkan semua program pada hari yang sama. Disebabkan itu, kawalan dan proses pendaftaran bagi sesi Jun 2020 lebih terkawal dan dapat difokuskan mengikut program. Pelaksanaan hari pendaftaran pelajar baharu juga lebih berkesan semasa tempoh PKPP dengan peningkatan sebanyak 2.07% berbanding sesi Jun 2019 iaitu sebelum tempoh PKPP.

#### **4. Kesimpulan**

Secara kesimpulannya, hasil kajian yang diperolehi menunjukkan proses hari pendaftaran dan suai kenal pelajar baharu semasa tempoh PKPP menunjukkan peningkatan yang ketara dengan nilai perbezaan masing-masing sebanyak 9.83% dan 2.07%. Ini menunjukkan peningkatan keberkesanan semasa tempoh PKPP berbanding sesi sebelumnya. Walaupun dengan pelaksanaan garis panduan pasca Covid-19 dilaksanakan, pelajar dapat mengadaptasi dan menerima norma baharu yang telah diaplikasi dengan sangat baik. Penerimaan norma baharu dikalangan pelajar juga banyak membantu dari segi pengurusan yang lebih teratur dan sistematik. Kajian ini juga boleh ditambahbaik dan diperluaskan lagi bagi seluruh Kolej Komuniti di Malaysia.

#### **Penghargaan**

Setinggi – tinggi penghargaan kepada seluruh Ahli Jawatankuasa Hari Pendaftaran dan Hari Suai Kenal pelajar bagi sesi Jun 2019 dan Jun 2020 di Kolej Komuniti Paya Besar dalam bersama-sama memastikan setiap proses dan prosedur berjalan dengan sangat lancar. Seterusnya kepada seluruh warga KKPBB yang membantu menjayakan hari pendaftaran dan HSK dengan penuh dedikasi dan bersemangat dalam memastikan pengurusan organisasi di KKPBB sentiasa cemerlang.

#### **Rujukan**

- Alchamdani, A., Fatmasari, F., Anugrah, E. R., Sari, N. P., Putri, F., & Astina, A. (2020). The Impact of Covid-19 Pandemic on Online Learning Process in the College at Southeast Sulawesi. *Jurnal Kesehatan Lingkungan*, 12(1si), 129-136.
- Aziz, A. R. A., Sukor, N. M., & Ab Razak, N. H. (2020). Wabak Covid-19: Pengurusan Aspek Kesihatan Mental Semasa Norma Baharu. *International Journal of Social Science Research*, 2(4), 156-174.
- Bahrom, Z. (2020). *Pedagogi Norma Baharu: Cabaran dan Hikmah*. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan*, (JILID III).
- Buku Prosedur Kualiti. (2019). *KKPB-PK-PLTV-02 Edisi 2019 Pengurusan Ambilan, Pendaftaran Dan Hari Suai Kenal Pelajar*.
- Bulitko, V., Solomon, S., Gratch, J., & Van Lent, M. (2008, October). Modeling Culturally and Emotionally Affected Behavior. In *AIIDE* (pp. 10-15).
- Garis Panduan Pengambilan Pelajar Kolej Komuniti. (2019). *Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti*, Edisi 9. 2019.
- Hairia'an, N. H., & Dzainudin, M. (2020). Pengajaran dan pemudahcaraan dalam talian semasa perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 9, 18-28.
- Hunnes, M. G. (2016). Nudging: How human behavior is affected by design. *Annual Review of Policy Design*, 4(1), 1-10.
- Ismail, M. N. (2020). Cabaran Kepimpinan dalam Pengurusan Pembelajaran Digital. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan*, (JILID III).
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, 30(3), 607-610.

- Khalib, M. A. (2020). Berita Harian Metro: Rakyat Malaysia semangat jalani kehidupan norma baharu (21 September 2020).
- Langgat, J. (2020). Norma Baharu: P&P Amali Dari Rumah.
- Lestari, P. A. S., & Gunawan, G. (2020). The Impact of Covid-19 Pandemic on Learning Implementation of Primary and Secondary School Levels. *Indonesian Journal of Elementary and Childhood Education*, 1(2), 58-63.
- Pratama, H., Azhari, M. N. A., Kassymova, G., & Duisenbayeva, S. S. (2020). The Trend in Using Online Meeting Applications for Learning During the Period of Pandemic COVID-19: A Literature Review, *Journal of Innovation in Educational and Cultural Research*, Vol 1(1), p. 58-68, DOI: 10.46843/jiecr.v1i2.15.
- Rohman, M. A. P & Arifin, L. (2020). Berita Harian, Patuhi SOP dalam fasa PKPP. [bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my).
- Shafie, B. H. M. (2020). Pelaksanaan PdPc Dalam Talian (OLL) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1 Dan 2 Covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(2), 213-221.
- Zaki, N. Z. (2020). Pengurusan Kewangan Sekolah Dalam Tempoh Pkp. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan*, (Jilid III).